

# UNISSA meterai perjanjian bersama PSU

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Februari. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Syariah dan Undang-Undang memeterai satu lagi sejarah dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Fakulti Undang-Undang, Prince of Songkla University (PSU), Hat Yai Campus, Thailand yang diadakan di Bilik Senat, di sini.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undangnya, Profesor Madya Dr. Haji Abdul Mohaimin bin Noordin Ayus, dan bagi pihak PSU, Thailand ditandatangani oleh Dekan Fakulti Undang-Undang, Mr. Wasin Suwannarat.

Turut hadir menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, selaku wakil Rektor.

Dalam memorandum tersebut kedu-dua buah universiti bersetuju menjalinkan hubungan kerjasama dalam bidang akademik dan program mobiliti pelajar / staf dalam undang-undang serta lain-lain bidang



yang boleh diperluaskan dari semasa ke semasa.

Penandatanganan MoA tersebut juga adalah kesinambungan dari

penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai di Bangkok, Thailand di antara UNISSA dan PSU pada 24 November 2013.

PSU, Thailand ditubuhkan dalam tahun 1986 dan sehingga kini sudah mempunyai lima buah kampus. PSU, Hat Yai Campus ini terletak di Pusat Bandar Hat Yai, Thailand dan merupakan kampus yang terbesar di Selatan Thailand.

Penubuhan PSU juga sciring dengan hasrat Kerajaan Thailand untuk menjadikan Wilayah Hat Yai sebagai hub pendidikan dan pengajaran kebudayaan tempatan yang terunggul di Selatan Thailand.

Dengan termeterainya MoA ini, pelbagai program kerjasama dalam bidang akademik dan non-akademik antara dua buah universiti akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

MAJLIS penandatanganan diakhiri dengan bergambar ramai (atas). Penandatanganan MoA di antara Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA dengan Fakulti Undang-Undang, Prince of Songkla University, Hat Yai Campus, Thailand disaksikan oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (bawah kiri).

UNISSA mengambil peluang mewujudkan jalinan dan rangkaian kerjasama strategik dengan institusi-institusi pengajaran tinggi antarabangsa untuk menaikkan nama dan reputasinya serta kedudukannya di arena pendidikan dalam dunia global.

Kejayaan ini merupakan usaha UNISSA yang berterus dalam menjamin kualiti akademik dan pengurusan yang cekap dan berkesan setara dengan universiti yang telah menempa nama di persada antara bangsa.

Hasil dari MoU yang telah ditandatangani sebelumnya, sebagai salah satu aktiviti yang dilaksanakan,

UNISSA pada masa ini menerima lima pelajar dari Kolej Pengajian Islam, Kampung Patani, PSU yang sedang mengikuti Kursus Pengukuh Bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA.

Sementara itu, PSU juga menunjukkan minat yang besar terhadap perundangan Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, dengan adanya MoA yang baru ditandatangani, Fakulti Undang-Undang, PSU juga akan menghantar pelajar-pelajaranya ke UNISSA untuk mengikuti kursus dan modul yang berkaitan dengan undang-undang perniagaan, undang-undang jenayah syariah, dan sebagainya.



# Jaga kesejahteraan murid

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

JERUDONG, Jumaat, 13 Februari. - Guru-guru penghubung kelas Al-Qur'an dan Muqaddam, selaku pemimpin hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan amanah lebih-lebih lagi yang berhubung dengan pengajaran kalam Allah (Al-Qur'an).

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh berkata, guru penghubung yang dilantik merupakan pengurus kepada guru-guru kelas Al-Qur'an dan Muqaddam dan dalam masa yang sama ditugaskan bagi menjaga kesejahteraan murid-murid

kelas Al-Qur'an dan Muqaddam agar berjalan dengan baik dan lancar.

"Sebetulnya ganjaran pahala yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada murid-murid dan guru-guru yang mengajar Al-Qur'an dan Muqaddam akan juga berpanjangan kepada yang berusaha mempercokl dan memberikan kemudahan kepada orang-orang yang belajar kalamullah iaitu Al-Qur'an," jelasnya pada Perjumpaan Bersama Guru-Guru Penghubung Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Seluruh Negara Tahun 2015 di Hotel Star Lodge, Jerudong, di sini.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh ketika hadir pada perjumpaan tersebut dan seterusnya memberi ucapan alu-aluan.

Bertepatan dengan muzakarah ini, pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) akan dapat mengingatkan kembali akan tugas dan tanggungjawab sebagai guru penghubung sebagaimana yang tercantum dalam buku garis panduan kelas Al-Qur'an dan Muqaddam, jelasnya.

Beliau menyatakan, bersamaan ini juga pengagihan buku garis panduan akan dilaksanakan agar dapat menjadi panduan kepada semua guru-guru penghubung dalam menyelarasarkan pengajaran kelas Al-Qur'an dan Muqaddam.

Perjumpaan itu dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Ketua Bahagian Imarah,

JHEM, Awang Haji Jubli bin Haji Mega yang juga menyampaikan taklimat Garis Pandu Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam.

Turut hadir ialah ketua-ketua bahagian dan pegawai serta kakitangan JHEM dan para guru penghubung kelas Al-Qur'an dan Muqaddam seluruh negara.

Perjumpaan yang dihadiri oleh lebih 50 guru-guru penghubung itu merupakan sebagai aktiviti tahunan yang bertujuan merapatkan hubungan silaturahim serta memberi taklimat dan nasihat agar mereka terus memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat amnya dan kepada jabatan khasnya.

la juga bertujuan untuk mengulang kaji mengenai panduan kelas, di samping mendengar permasalahan yang dihadapi serta berbincang mengenai jalan penyelesaian.

Di samping itu, perjumpaan juga diharatkkan dapat memberikan laluan untuk bertukar-tukar fikiran dan pandangan bagi menambah baik lagi mutu pengajaran, pengawalseliaan murid dan guru serta berusaha ke arah melahirkan murid cemerlang dalam bidang pembacaan Al-Qur'an dan secara tidak langsung membawa generasi yang cerdas membaca Al-Qur'an yang diharapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



ANTARA guru-guru penghubung kelas Al-Qur'an dan Muqaddam yang hadir untuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid.